

Kesaksian dari Malaysia

Orang-orang berlatarbelakang Islam kadang kala terlibat dalam kumpulan-kumpulan” ajaran sesat. “Rob” (nama samaran) terlibat di dalam kumpulan ajaran sesat yang digelar “Kerajaan Langit” yang tertubuh di Utara Malaysia. Kumpulan ini memaklumkan sejenis kesatuan di antara semua agama. Pada bulan Februari 2005, seorang Kristian telah mula bersaksi kepada Rob kerana dia ingin

tahu kebenaran. Dari masa dia masih remaja lagi, Rob terlibat dalam ajaran sesat ini, bahkan dia pernah dilatih dalam ilmu sihir. Namun dia masih tidak puas hati. Akhirnya pada pertengahan tahun 2005, kumpulan ajaran sesat tersebut telah diharamkan oleh kerajaan Malaysia. Pihak polis telah memburu ahli-ahli kumpulan “Kerajaan Langit” di sekitar kawasan berdekatan dengan ‘ibu pejabat’ kumpulan ajaran sesat ini. Ahli-ahli kumpulan ini telah melarikan diri, termasuklah Rob. Dikelilingi

oleh pasukan polis dan anjing pengesanan, Rob berada dalam keadaan merbahaya. Dia cuba menggunakan ilmu sihir untuk melarikan diri, tetapi tidak berjaya. Akhirnya Rob berseru kepada Yesus Kristus: “Isa (perkataan Islam untuk Yesus), kalau benar kamu Tuhan, selamatkanlah saya sekarang!” Sejenak selepas itu, dia terasa seolah-olah dia terangkat dan dibuang keluar dari kawasan yang sedang digeledah oleh pasukan polis. Selepas itu seorang penduduk kampung telah membawa Rob jauh dari tempat itu menaiki

30 Hari | Kesaksian dari Malaysia | Indonesia

motosikal. Sejak masa itu, dia mula percaya bahawa Isa adalah Tuhan, dan dia ingin mengetahui lebih lagi tentangNya. Pada bulan April tahun 2006, Rob dibaptiskan. Selepas itu, ramai di antara rakan-rakannya juga percaya kepada Mesias, Yesus.

Kesaksian dari Indonesia

Sepasang suami-isteri Indonesia berlatarbelakang Muslim telah menjemput beberapa orang Kristian membantu mereka dalam

perniagaan mereka. Orang-orang Kristian itu lama-kelamaan mula berkongsi tentang kepercayaan mereka kepada suami-isteri Indonesia itu. Mereka percaya dan mula mengadakan pertemuan Kristian di rumah mereka. Penghulu kampung mereka menentang perbuatan mereka dan melarang mereka berjumpa dengan rakan-rakan Kristian mereka. Pasangan suami-isteri ini terpaksa pergi jauh untuk bertemu dengan rakan-rakan mereka itu. Seluruh kampung mereka beragama Islam dan tidak

lama kemudian lebih ramai orang juga mula menentang/menganiyai mereka. Perniagaan mereka menjual-beli beras mula merosot. Lama-kelamaan, tiada orang yang mahu membeli beras daripada mereka dan iman mereka benar-benar diuji/dicubai. Selama satu bulan, pendapatan mereka menjadi amat sedikit tetapi iman isterinya tetap kukuh dan dia percaya bahawa Tuhan akan membantu mereka. Bulan yang berikutnya, mereka menjual banyak beras; mereka

30 Hari | Kesaksian dari Malaysia | Indonesia

mendapat keuntungan yang besar, lebih lagi daripada apa yang mereka terima dalam bulan-bulan sebelum ini terjadi! Mereka telah mengalami kesetiaan Tuhan!

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim